- Tarikh Hilang** merujuk kepada tarikh berlakunya Kecurian Ragut atau Cubaan Kecurian Ragut yang dilindungi.
- Pengendorsan** bermaksud penjelasan lanjut atau terma tambahan yang dipersetujui oleh Syarikat yang perlu dibaca bersama atau untuk melangkaui Polisi dan/atau Jadual atau Pengendorsan
- Hospital** bermaksud mana-mana hospital/pusat perubatan milik kerajaan (sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya) atau berlesen awam atau swasta yang menyediakan bilik, penginapan dan khidmat kejururawatan dan rawatan perubatan dua puluh empat (24) jam (selain daripada institusi untuk orang tua, sakit kronik, mental atau pemulihan atau rehat atau rumah jagaan)
- Dimasukkan ke Hospital** atau **Diwadkan ke Hospital** bermaksud

dimasukkan ke Hospital sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk rawatan perubatan bagi Kecederaan apabila disorkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar. Pesakit tidak akan dianggap sebagai dimasukkan ke hospital jika pesakit tidak tinggal secara fizikal di Hospital sepanjang tempoh dimasukkan sepertimana dinasihatkan oleh Pengamal Perubatan berdaftar.

- Penyakit** bermaksud sebarang kemerosotan kesihatan yang berlaku secara mengejut dan tidak dijangka yang disahkan oleh mana-mana Pengamal Perubatan semasa Tempoh Insurans.
- Kecederaan** bermaksud kecederaan tubuh badan yang dialami akibat Kecurian Ragut atau Cubaan Kecurian Ragut dan bukan akibat penyakit, wabak atau haus dan lusuh fizikal atau mental secara berperingkat, yang berlaku semasa Tempoh Insurans.
- Pihak Diinsuranskan** bermaksud Pemegang Kad ATM individu berdaftar yang merupakan warga Malaysia, penduduk tetap Malaysia, pemegang permit kerja, pemegang pas atau bekerja secara sah di Malaysia, yang menetap secara sah di Malaysia dan yang berumur di antara lapan belas (18) dan tujuh puluh (70) tahun.
- Pengamal Perubatan** bermaksud pengamal perubatan layak, berdaftar dan berlesen oleh pihak berkuasa perubatan di negara di mana rawatan disediakan dan yang mengamalkan apa yang dibenarkan menurut skop lesen dan latihan beliau
- Kenderaan** diklasifikasikan sebagai kenderaan yang dikendalikan di atas jalan raya atau lebuhraya.
- Tempoh Insurans** bermaksud tempoh apabila Pihak Diinsuranskan dilindungi, yang bermula pada tarikh mula Polisi sehingga tarikh tamat perlindungan insurans, tertakluk kepada terma, syarat dan pengecualian yang dinyatakan di dalam Polisi ini, dan Jadual atau Pengendorsan.
- Hilang Upaya Kekal** bermaksud keadaan yang dinyatakan di bawah perkara C Bahagian 2 di bawah Skala Manfaat.
- Barangan Peribadi** merujuk kepada semua item yang tidak boleh diukur secara kewangan (kecuali Tunai) yang berada dalam pemilikan Pihak Diinsuranskan semasa berlaku Kecurian Ragut atau Cubaan Kecurian Ragut. Item tersebut termasuk Kad Pengenalan, passport, lesen memandu, kad kredit/caj, Kad ATM, kad akses ke bangunan/lot parkir, cermin mata, kaca mata hitam, kamera, kunci rumah, telefon bimbit, dompet, beg duit dan beg tangan.
- Polisi** bermaksud Polisi insurans ini yang dikeluarkan oleh Syarikat untuk manfaat Pihak Diinsuranskan, dibaca bersama Jadual dan semua Pengendorsan berkaitan (jika ada).
- Keadaan Sedia Ada** bermaksud kecederaan, penyakit, keadaan atau simptom lain:
 - yang mana rawatan atau ubat-ubatan atau nasihat atau diagnosis telah dibuat atau diterima atau telah dijangka semasa dua belas (12) bulan sebelum Borang Cadangan dilengkapkan dan perakuan ditandatangani kepada Syarikat oleh Pihak Diinsuranskan;
 - yang diketahui atau tidak diketahui kewujudannya oleh Pihak Diinsuranskan sebelum Borang Cadangan dilengkapkan dan perakuan ditandatangani kepada Syarikat, sama ada rawatan atau ubat-ubatan, nasihat atau diagnosis dicari atau diterima.
- Jumlah Prinsipia Diinsuranskan** bermaksud jumlah yang diinsuranskan mengikut jenis pelan yang dibeli. Amaun sebenar jumlah diinsuranskan dalam Ringgit Malaysia (RM/MYR) dinyatakan di dalam Jadual atau Pengendorsan.
- Borang Cadangan** bermaksud borang yang dilengkapkan yang berkaitan dengan Pemegang kad Atm dan diserahkan kepada Syarikat sebagai pertimbangan sama ada untuk menerima dan menginsuranskan orang yang dinamakan di situ.
- Jadual** bermaksud dokumen yang dikeluarkan oleh Syarikat kepada Pihak Diinsuranskan berdasarkan Borang Cadangan yang diterima oleh Syarikat dengan maklumat terperinci seperti butiran peribadi Pihak Diinsuranskan dan manfaat utama yang disediakan di bawah Polisi ini.
- Kecuria Ragut** atau **Cubaan Kecurian Ragut** bermaksud perbuatan mencuri secara paksaan atau cubaan melakukannya, daripada Pihak Diinsuranskan Barangan Peribadi beliau. Untuk tujuan Polisi ini, Kecurian Ragut atau Cubaan Kecurian Ragut turut merangkumi rompakan atau cubaan merompak dan ragut rampas – situasi di mana Barangan Peribadi Pihak Diinsuranskan dirampas, atau cuba dirampas, dari Kenderaan Pihak Diinsuranskan.

MANFAAT

A. KEHILANGAN TUNAI YANG DIKELUARKAN DARI ATM

Syarikat akan membayar ganti rugi kepada Pihak Diinsuranskan untuk tunai yang hilang akibat Kecurian Ragut atau Cubaan Kecurian Ragut sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual atau Pengendorsan.

Manfaat ini akan dibayar, tertakluk kepada yang berikut:-

- (a) Kehilangan Tunai akibat Kecurian Ragut atau Cubaan Kecurian Ragut seperti ditakrifkan di sini, berlaku dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas pengeluaran ATM dari Akaun Bank Pihak Diinsuranskan;
- (b) Laporan mestilah dibuat dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas Kecurian Ragut atau Cubaan Kecurian Ragut.

B. KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN PADA BARANGAN PERIBADI

Syarikat akan membayar ganti rugi kepada Pihak Diinsuranskan sehingga had yang dinyatakan di dalam Jadual atau Pengendorsan untuk kehilangan atau kerosakan pada Barangan Peribadi akibat Kecurian Ragut atau Cubaan Kecurian Ragut selepas Pengeluaran Tunai dari Akaun Bank Pihak Diinsuranskan. Ganti rugi adalah untuk yuran/caj yang ditanggung untuk menggantikan Kad Pengenalan Pendaftaran Kebangsaan, pasport, lesen memandu, kad kredit/caj, Kad ATM dan kad akses ke bangunan/lot parkir.

Manfaat ini akan dibayar tertakluk kepada yang berikut:

- a) Kehilangan tunai yang dikeluarkan dari ATM dan kehilangan atau kerosakan pada Barangan Peribadi berlaku dalam kejadian yang sama.
- b) Laporan mestilah dibuat dalam masa dua puluh empat (24) jam selepas Kecurian Ragut atau Cubaan Kecurian Ragut;
- c) Dokumentasi yang menyokong nilai dan pemilikan.

C. KEMATIAN DAN HILANG UPAYA KEKAL

Syarikat bersetuju bahawa jika semasa Tempoh Insurans, Pihak Diinsuranskan mengalami kecederaan tubuh badan akibat kemalangan yang disebabkan sepenuhnya dan secara langsung oleh kejadian ganas luaran dan kelihatan, semasa berlakunya Kecurian Ragut atau Cubaan Kecurian Ragut yang menyebabkan Kematian, Hilang Upaya atau Hilang Penggunaan Anggota Badan yang dialami dalam masa dua belas (12) bulan kalendar dari Tarikh Hilang, Syarikat akan membayar kepada Diinsuranskan atau penama (jika ketiadaan penama, kepada wakil peribadi sah beliau), yang mana berkenaan, manfaat sewajarnya seperti yang dinyatakan di dalam Skala Manfaat di bawah

Jadual Manfaat Hilang Upaya Kekal

Kehilangan satu atau dua anggota	100%
Kehilangan satu atau kedua-dua tangan atau semua jari dan kedua-dua ibu jari	100%
Kehilangan penglihatan pada kedua-dua mata	100%
Lumpuh menyeluruh	100%
Kecederaan menyebabkan kekal terlantar di katil	100%
Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan hilang upaya menyeluruh dan kekal	100%
Kehilangan tangan dari bahu	100%
Kehilangan tangan di antara bahu dan siku	100%
Kehilangan tangan dari siku	100%
Kehilangan tangan antara siku dan pergelangan tangan	100%
Kehilangan tangan dari pergelangan tangan	100%
Kehilangan empat jari dan ibu jari pada satu tangan	50%
Kehilangan empat jari	40%
Kehilangan ibu jari	
- kedua-dua falanks	25%
- satu falanks	10%
Kehilangan jari telunjuk	
- tiga falanks	10%
- dua falanks	8%
- satu falanks	4%
Kehilangan jari tengah	

- tiga falanks	6%
- dua falanks	4%
- satu falanks	2%
Kehilangan jari manis	
- tiga falanks	5%
- dua falanks	4%
- satu falanks	2%
Kehilangan jari kelengkeng	
- tiga falanks	4%
- dua falanks	3%
- satu falanks	2%
Kehilangan metakarpal	
- pertama atau kedua (tambahan)	3%
- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
Kehilangan kaki	
- dari pinggul	50%
- di antara lutut dan pinggul	50%
- di bawah lutut	50%
Kehilangan jari kaki – semua	15%
- ibu jari, kedua-dua falanks	5%
- ibu jari, satu falanks	2%
- selain ibu jari, jika lebih dari satu jari	1%
Mata – kehilangan:	
- seluruh mata	100%
- penglihatan	50%
- penglihatan kecuali pengamatan cahaya	50%
- kanta	50%
Kehilangan pendengaran	
- kedua-dua telinga	75%
- satu telinga	15%
Kehilangan pertuturan	
- hilang pertuturan kekal	50%

Hilang Penggunaan Menyeluruh dan Kekal Anggota Badan akan dianggap sebagai kehilangan anggota badan. Hilang Pertuturan bermaksud kehilangan kekal dan menyeluruh kemampuan berkomunikasi secara lisan.

Hilang Keseluruhan Penglihatan pada Satu Mata bermaksud kehilangan menyeluruh dan tidak boleh pulih semua penglihatan yang menyebabkan Pihak Diinsuranskan buta sepenuhnya pada satu (1) mata yang tidak boleh diubahi melalui pembedahan atau rawatan lain.

Agregat semua peratusan dibayar di bawah Skala Manfaat yang dinyatakan di atas untuk mana-mana satu kejadian Kecurian Ragut atau Cubaan Kecurian Ragut tidak boleh melebihi 100% dari Jumlah Prinsipal Diinsuranskan sama ada untuk Kematian dan/atau Hilang Upaya Kekal dan semua insurans yang terdapat di sini tidak lagi berkuat kuasa. Apabila semua kerugian lain yang kurang daripada 100% dari Jumlah Prinsipal Diinsuranskan dalam agregat di bawah Manfaat C ini telah dibayar, ia akan mengurangkan jumlah diinsurans berkadaran mengikut jumlah dibayar tersebut bermula dari Tarikh Hilang sehingga Polisi ini tamat. Dalam apa jua keadaan, kerugian maksimum boleh dituntut di bawah setiap Polisi untuk setiap Tempoh Insurans adalah seperti dinyatakan di bawah Jadual Polisi.

D. PERBELANJAAN PERUBATAN

Syarikat akan membayar ganti rugi kepada Pihak Diinsuranskan untuk perbelanjaan perubatan yang ditanggung akibat kecederaan yang dialami semasa berlakunya Kecurian Ragut atau Cubaan Kecurian Ragut, dengan syarat liabiliti maksimum Syarikat yang timbul daripada mana-mana satu kejadian Kecurian Ragut atau Cubaan Kecurian Ragut tidak boleh melebihi amaun yang dinyatakan dalam Jadual. Perbelanjaan perubatan merangkumi perbelanjaan yang ditanggung untuk dimasukkan ke Hospital (termasuk Bilik & penginapan), rawatan klinikal, perubatan dan pembedahan (termasuk pembetulan pergigian dan/atau pembedahan pembetulan kosmetik), keguguran dan kos mendapatkan laporan perubatan/ pembedahan/ pakar/ bedah siasat.

E. PENDAPATAN HOSPITAL

Jika Pihak Diinsuranskan perlu Dimasukkan ke Hospital akibat kecederaan yang dialami semasa berlakunya Kecurian Ragut atau Cubaan Kecurian Ragut,

Syarikat akan membayar kepada Pihak Diinsuranskan manfaat harian seperti dinyatakan dalam Jadual atau Pengendorsan selama tempoh Dimasukkan ke Hospital, sehingga maksimum tiga puluh (30) hari kalendar. Manfaat ini hanya akan dibayar jika Pihak Diinsuranskan Dimasukkan ke Hospital untuk tempoh dua puluh empat (24) jam berturut-turut dari masa mula di masukkan ke Hospital.

PENGECUALIAN

1. Insurans ini tidak melindungi yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berpunca daripada sepenuhnya atau sebahagiannya oleh mana-mana satu kejadian berikut: -
 - a) perang, pencerobohan, tindakan musuh asing, keganasan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, penentangan, revolusi, kebangkitan, undang-undang tentera, rampasan kuasa atau rampasan ketenteraan.
 - b) kerugian akibat perbuatan penipuan, tidak jujur atau perbuatan jenayah oleh Pihak Diinsuranskan, orang yang dikenali oleh Pihak Diinsuranskan atau ahli keluarga Pihak Diinsuranskan, sama ada bertindak bersendirian atau bekerjasama dengan yang lain.
 - c) haus dan lusuh, susutnilai, kemerosotan berperingkat, kulapuk, rama-rama, tikus atau sebarang proses pembersihan, pencelupan, membaiki, memulihara atau pengubahsuaian
 - d) kepada geran, bon, bil tukaran, nota janji, tunai, wang kertas, cek, sekuriti untuk koleksi wang, setem, sebarang bentuk dokumen, buku kira-kira, manuskrip, pingat, syiling kecuali dinyatakan secara spesifik.
 - e) Timbul daripada kecurian harta benda yang ditinggalkan dalam kenderaan tanpa jagaan.
2. Pengecualian Khas Manfaat A – Kehilangan Tunai yang Dikeluarkan dari ATM.
Polisi ini tidak melindungi:
 - a) Sebarang caj tanpa kebenaran ke atas Kad ATM yang Hilang akibat penggunaan Kad ATM secara penipuan
 - b) Kehilangan wang di dalam akaun simpanan Pihak Diinsuranskan yang berlaku akibat Kad ATM hilang atau dicuri;
 - c) Transaksi tanpa kebenaran dan transaksi secara penipuan;
 - d) Penjelasan yang tidak diterima mengenai kehilangan Tunai (yang tidak munasabah, bertentangan dengan fakta atau logik saintifik terbukti) oleh Syarikat;
 - e) Kerugian akibat penggunaan Kad ATM Pihak Diinsuranskan oleh ahli keluarga Pihak Diinsuranskan atau orang yang beliau kenali, sama ada dibenarkan atau tidak.
3. Pengecualian spesifik Manfaat B – Kehilangan atau kerosakan pada Barangan Peribadi.
Polisi ini tidak melindungi:
 - a) Kehilangan akibat diseluk saku;
 - b) Kehilangan atau kerosakan pada Barangan Peribadi Pihak Diinsuranskan disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh:
 - i. Perbuatan sengaja atau berniat jahat atau kecuai atau kelalaian Pihak Diinsuranskan;
 - ii. Salah letak, salah simpan atau kehilangan misteri; dan
 - iii. Merosakkan, menggores, cat mengelupas atau apa-apa kerosakan lain kepada penampilan harta benda Pihak Diinsuranskan tanpa menjejaskan fungsinya
 - iv. Kerugian yang disebabkan oleh peristiwa lain selain Kecurian Ragut atau Cubaan Kecurian Ragut, seperti haus dan lusuh biasa, kecacatan pengilangan, tikus, serangga, pembersihan atau pembaikan, atau kejadian seumpamanya;
 - v. Buku, lukisan, pelan, manuskrip, matawang kertas, cek, tiket pengangkutan, atau barangan lain seumpamanya yang turut hilang atau rosak.
4. Pengecualian spesifik Manfaat C – Kematian atau Hilang Upaya Kekal
Polisi ini tidak melindungi Kematian atau kecederaan/hilang upaya yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh atau berkaitan dengan mana-mana perkara berikut:-
 - a) Sebarang bentuk penyakit, jangkitan, atau parasit dan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau Komplikasi Berkaitan AIDS (ARC) atau Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV);
 - b) Jangkitan bakteria (kecuali jangkitan piogenik kerana luka atau cedera akibat kemalangan) dan/atau apa-apa penyakit dan/atau rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali diperlukan akibat kecederaan

- yang berpunca dari kemalangan, yang dilakukan semasa perlindungan Polisi);
- c) Pembedahan kosmetik atau plastik atau sebarang pembedahan elektif;
 - d) Gila, bunuh diri (sama ada waras atau tidak), mencederakan diri sendiri dengan sengaja atau sebarang cubaan melakukannya;
 - e) Intoksikasi alkohol (melebihi had dibenarkan) dan/atau dadah (melebihi had dibenarkan) dan/atau penyalahgunaan bahan;
 - f) Keadaan Sedia Ada;
 - g) Pembunuhan atau serangan diprovokasi di mana provokasi dicituskan oleh Pihak Diinsuranskan.
 - h) melahirkan anak, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi darinya;
 - i) Kecacatan Kongenital
Sebarang keabnormalan perubatan atau fizikal yang wujud semasa lahir, serta keabnormalan fizikal neo-natal yang bermula dalam masa 6 bulan selepas dilahirkan (lebih dikenali sebagai Keadaan Kongenital) sama ada diketahui atau tidak diketahui oleh Pihak Diinsuranskan sebelum tarikh kuat kuasa Insurans.
 - j) Kecacatan Fizikal
Sebarang kecacatan/kekurangan fizikal sedia ada atau keadaan terencat akal sebelum tarikh kuat kuasa Insurans.
 - k) Kelayakan Penduduk
Polisi ini hanya sah apabila Pihak Diinsuranskan menetap di Malaysia. Jika Pihak Diinsuranskan perlu berada di luar Malaysia untuk tempoh melebihi 6 bulan berturut-turut, polisi beliau menjadi tidak sah.
5. Kehilangan tunai yang bukan dikeluarkan dari akaun peribadi Pihak Diinsuranskan.

SYARAT AM

1. **Kenyataan Selaras Dengan Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013**
Jika Pihak Diinsuranskan memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion Pihak Diinsuranskan, Pihak Diinsuranskan mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak melakukan salah nyata sewaktu menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan ini (atau apabila Pihak Diinsuranskan memohon untuk insurans ini), iaitu Pihak Diinsuranskan dikehendaki menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah di dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Pihak Diinsuranskan, keengganan atau pengurangan tuntutan Pihak Diinsuranskan, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Pihak Diinsuranskan selaras dengan remedi yang dinyatakan dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Pihak Diinsuranskan juga dikehendaki mendedahkan apa-apa perkara lain yang Pihak Diinsuranskan tahu akan mempengaruhi keputusan Syarikat dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
Pihak Diinsuranskan juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Syarikat dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Pihak Diinsuranskan ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan Syarikat, apa-apa maklumat yang dinyatakan di dalam Borang Cadangan (atau semasa Pihak Diinsuranskan memohon untuk insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.
2. **Manfaat**
Pihak Diinsuranskan tidak boleh dilindungi di bawah lebih daripada dua (2) Insurans 'ATM Shield'. Jika timbul tuntutan dari Pihak Diinsuranskan yang memegang dua (2) polisi, Syarikat akan membayar Manfaat A, B, D dan E dengan amaun yang dinyatakan di dalam jadual polisi sehingga amaun maksimum untuk mana-mana satu kerugian dan dalam agregat untuk kedua-dua polisi dengan syarat Manfaat D akan dibayar atas dasar pembayaran balik. Untuk Manfaat C pula, Syarikat akan membayar Pihak Diinsuranskan dalam satu bayaran sekaligus untuk kedua-dua polisi.
3. **Syarat Terdahulu kepada Liabiliti**
Pematuhan dan memenuhi terma dan syarat Polisi ini setakat yang berkaitan dengan apa-apa yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh Pihak Diinsuranskan atau wakil peribadi sah akan menjadi syarat terdahulu kepada sebarang liabiliti Syarikat untuk membuat apa-apa bayaran di bawah Polisi ini.
4. **Notis kecuali Untuk Notis Tuntutan seperti Disediakan di Bawah**

Setiap notis atau komunikasi yang diberi atau dibuat di bawah Polisi ini oleh Pihak Diinsuranskan atau wakil peribadi sah beliau hendaklah dihantar secara bertulis ke Ibu Pejabat atau Pejabat Cawangan terdekat Syarikat.

5. Salah Nyataan atau Pengabaian Fakta Material

Tertakluk kepada tanggungjawab pendedahan oleh Pihak Diinsuranskan, Syarikat tidak bertanggungjawab jika terdapat sebarang salah nyataan dalam atau sebarang fakta material telah diabaikan daripada Borang Cadangan.

6. Perubahan Alamat atau Butiran Peribadi

Pihak Diinsuranskan dikehendaki memberi notis bertulis serta-merta kepada Syarikat mengenai sebarang perubahan nama, alamat perhubungan di Malaysia, pekerjaan atau kerjaya dan status perkahwinan. Pihak Diinsuranskan juga dikehendaki memberi notis sebelum pembaharuan Polisi mengenai sebarang kecederaan, penyakit, kecacatan fizikal atau keuzuran yang dialami oleh Diinsuranskan, atau yang telah disedari olehnya. Jika gagal memaklumkan kepada kami, kami mungkin menafikan semua liabiliti untuk sebarang kerugian atau kecederaan yang berpunca daripada perubahan tersebut sekiranya perubahan ini meningkatkan risiko kemalangan.

7. Pindaan

Syarikat berhak untuk meminda terma dan syarat Polisi ini dan pindaan tersebut kepada Polisi ini hanya sah jika dibenarkan oleh Syarikat melalui terbitan Pengendorsan.

8. Tuntutan

(a) Notis Tuntutan

Semua tuntutan mestilah dibuat secara bertulis dan diserahkan kepada Syarikat dalam masa tiga puluh (3) hari selepas Tarikh Hilang. Pihak Diinsuranskan perlu menyerahkan semua dokumen berkaitan untuk pemeriksaan Syarikat dalam masa yang sewajarnya dan akan bekerjasama dengan Syarikat dalam semua perkara yang berkaitan dengan sebarang kerugian dan/atau tuntutan. Kegagalan untuk mematuhi syarat ini boleh menjadi prejudis kepada tuntutan Pihak Diinsuranskan. Notis tuntutan bertulis diberikan oleh atau bagi pihak Pihak Diinsuranskan kepada Ibu Pejabat atau mana-mana Pejabat Cawangan Syarikat di Malaysia atau kepada mana-mana ejen dibenarkan Syarikat akan dianggap sebagai notis kepada Syarikat.

(b) Bukti kerugian/kehilangan

Bukti kehilangan secara bertulis perlu diserahkan kepada Syarikat dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas Tarikh Hilang. Kegagalan untuk menyediakan bukti tersebut dalam tempoh yang ditetapkan tidak menyebabkan tuntutan menjadi tidak sah atau berkurangan seandainya penyerahan bukti tidak dapat dilakukan atas sebab yang wajar dan ia telah diserahkan sebaik sahaja ia dapat dilakukan, kecuali dalam ketiadaan kemampuan guaman, lebih lewat daripada satu (1) dari masa bukti diperlukan.

Pihak Diinsuranskan dikehendaki menyerahkan dokumen berikut kepada Syarikat, sekiranya Pihak Diinsuranskan memfailkan tuntutan:

- (i) Laporan polis
- (ii) Slip pengeluaran Tunai ATM/resit/penyata akaun bank atau bukti lain yang memuaskan;
- (iii) Laporan perubahan dan resit asal;
- (iv) Sijil kematian
- (v) Nota atau ringkasan kemasukkan ke hospital/pelepasan
- (vi) Dokumentasi yang menyokong nilai dan pemilikan.

Semua dokumen dan bukti mesti diserahkan menggunakan perbelanjaan Pihak Diinsuranskan dalam bentuk dan cara yang diperlukan. Senarai di atas tidak lengkap. Syarikat berhak untuk meminta sebarang dokumen berkaitan yang wajar dan berkenaan untuk menyokong tuntutan Pihak Diinsuranskan dengan perbelanjaan ditanggung Pihak Diinsuranskan.

9. Bayaran Premium

Pembayaran premium seperti di dalam Polisi ini hendaklah dibuat sebelum permulaan perlindungan dan/atau tarikh pembaharuan. Penerimaan premium oleh Syarikat akan membentuk persetujuan untuk pembaharuan. Sebarang peningkatan atau pengurangan premium serta pindaan perlindungan atau penolakan pembaharuan akan dimaklumkan secara bertulis oleh Syarikat tiga puluh (30) hari dari tarikh kuat kuasa Polisi.

10. Pembaharuan Polisi (Tahunan)

Polisi ini boleh diperbaharui dengan kebenaran Syarikat dari tempoh ke

tempoh, dengan bayaran premium pendahuluan mengikut kadar premium Syarikat yang berkuat kuasa semasa pembaharuan.

11. Penamatan Insurans

(a) Penamatan oleh Pihak Diinsuranskan

Syarikat memberi tempoh semakan percuma lima belas (15) hari kepada Pihak Diinsuranskan dari tarikh penerimaan Polisi ini untuk membaca dan memahami kandungan Polisi ini. Jika Pihak Diinsuranskan membuat keputusan untuk membatalkan Polisi ini dengan mengembalikannya kepada Syarikat dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh polisi ini dikeluarkan, Pihak Diinsuranskan berhak mendapat pengembalian penuh premium yang telah dibayar.

Jika Pihak Diinsuranskan memberi notis kepada Syarikat untuk menamatkan Polisi ini (sama ada semasa tempoh semakan percuma lima belas (15) hari atau pada waktu lain), penamatan tersebut akan berkuat kuasa pada tarikh notis diterima atau pada tarikh yang dinyatakan di dalam notis tersebut, yang mana lebih awal.

Jika premium telah dibayar untuk mana-mana tempoh selepas tarikh penamatan Polisi ini, Pihak Diinsuranskan boleh memberi notis penamatan melalui pos kepada Syarikat. Penamatan tersebut akan berkuat kuasa empat belas (14) hari selepas tarikh notis tersebut. Penamatan tertakluk kepada pengembalian premium pro-rata dengan syarat tiada tuntutan dibuat semasa Tempoh Insurans masih wujud.

(b) Penamatan oleh Syarikat

Syarikat boleh memberi notis penamatan kepada Pihak Diinsuranskan melalui pos ke alamat perhubungan terakhir yang diketahui di Malaysia. Penamatan tersebut akan berkuat kuasa empat belas (14) hari selepas tarikh notis tersebut. Jika premium telah dibayar untuk mana-mana tempoh selepas tarikh penamatan Polisi ini, premium pro-rata akan dikembalikan kepada Pihak Diinsuranskan dengan syarat tiada tuntutan dibuat semasa Tempoh Insurans masih wujud.

(c) Penamatan Automatik

- (i) Polisi ini luput/tamat pada tengah malam (waktu standard Malaysia) pada hari terakhir Tempoh Insurans.
- (ii) Perlindungan dibatalkan secara automatik selepas cubaan tidak berjaya untuk mendapatkan bayaran premium seperti dinyatakan dalam Jadual atau Pengendorsan.
- (iii) Polisi ini akan tamat apabila tuntutan telah dibayar oleh Syarikat untuk 100% daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan sama ada untuk Kehilangan Tunai yang dikeluarkan dari ATM, Kematian atau Hilang Upaya Kekal semasa Tempoh Insurans masih wujud.
- (iv) Polisi akan tamat apabila tiada tuntutan dibayar oleh Syarikat untuk 100% daripada Jumlah Prinsipal Diinsuranskan sama ada untuk Kematian atau Hilang Upaya Kekal semasa Tempoh Insurans masih wujud jika Syarikat telah dimaklumkan secara bertulis dengan bukti berdokumen mengenai Kematian Pihak Diinsuranskan.

12. Klausula Polisi Tanpa Nilai

Polisi ini adalah tanpa nilai. Orang Diinsuranskan bertanggungjawab untuk membuktikan nilai sebenar harta benda yang diinsuranskan semasa kejadian pemusnahan atau amaun sebenar kerosakan tersebut.

13. Undang-undang Kawal Selia

Polisi ini dan semua hak, obligasi dan liabiliti yang timbul daripadanya, telah dibentuk dan ditentukan serta mungkin dikuat kuasakan selaras dengan undang-undang Malaysia, dan Mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif ke atasnya.

Tiada tindakan undang-undang atau dalam ekuiti boleh dibawa untuk tuntutan ke atas Polisi ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti kerugian bertulis telah diserahkan selaras dengan syarat-syarat Polisi.

14. Polisi Insurans Tidak Sah

Tanpa mengambilkira sama ada premium telah dibayar sepenuhnya atau tidak, Polisi ini tidak sah apabila umur Pihak Diinsuranskan mencapai tujuh puluh (70) tahun atau lebih sebelum tarikh kuat kuasa polisi atau tempoh pembaharuan polisi.

Terdapat perlindungan pada tarikh kuat kuasa semasa atau akan datang dan sebarang unduran tarikh kuat kuasa adalah tidak sah.

15. Liabiliti Maksimum

Liabiliti Syarikat tidak boleh melebihi 2 kali ganda Pelan tertinggi yang melindungi Pihak Diinsuranskan yang sama pada mana-mana satu masa.

Polisi ke-3 dan seterusnya akan menjadi tidak sah secara automatik dan premium penuh akan dikembalikan kepada Pihak Diinsuranskan.

16. Penerimaan

Syarikat tidak terikat oleh sebarang notis atau amanah, caj, lien, serah hak atau sebarang urusan dengan Polisi ini dan penerimaan sebarang pampasan yang dibayar di bawah Polisi ini oleh Pihak Diinsuranskan atau wakil peribadi sah beliau akan melepaskan sepenuhnya liabiliti Syarikat dalam semua perkara.

17. Had Kawasan

Polisi ini menyediakan perlindungan untuk transaksi pengeluaran tunai ATM yang dilakukan di Malaysia sahaja.

NOTIS KEPADA PEMEGANG POLISI

Sila memeriksa Polisi insurans untuk memastikan ianya memenuhi keperluan **Anda**.

Untuk mengelakkan salah faham, adalah sangat penting Polisi, Jadual dan sebarang pengendorsan disertakan di sini dibaca bersama secara terperinci.

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang aduan atau keraguan berkaitan dengan Polisi **Anda**, sila hubungi ejen **Anda**, sekiranya ada atau berhubung dengan pejabat yang mengeluarkannya. Kami memastikan aduan **Anda** dilayani dengan segera.

Bagi tujuan dan maksud sekiranya terdapat konflik atau kekaburan berkenaan makna di dalam peruntukan Bahasa Malaysia tentang mana-mana bahagian Kontrak, adalah dipersetujui bahawa Kontrak versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

Sebagai Penanggung Insurans yang bertanggungjawab, **Kami** ingin membawa kepada perhatian **Anda** bahawa **Anda** boleh mengemukakan ketidakpuasan **Anda** kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau Biro Perkhidmatan Pelanggan (CSB) Bank Negara seperti yang ditunjukkan di bawah.

BAGAIMANA UNTUK MEMBUAT ADUAN

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan mana-mana aspek perkhidmatan **Kami**, **Kami** ingin mendengar daripada **Anda**. **Anda** boleh membuat aduan dalam bentuk apa jua yang paling selesa dengan **Anda** samada melalui panggilan telefon kepada operator **Kami** atau, secara bertulis, fax atau e-mel aduan **Anda** kepada:

Unit Pengendalian Aduan

RHB Insurance Berhad
Aras 12B, West Wing, The Icon
No 1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak,
55000 Kuala Lumpur
Tel: 1300-220-007
Faks: 03-2163 7277

E-mel : complaints_unit@rhbinsurance.com.my

Kami akan berusaha untuk bertindak balas kepada aduan **Anda** dalam masa empat belas (14) hari. Jika Kami tidak dapat menyelesaikan perkara tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan seandainya rumit, **Anda** akan diberitahu tentang perkembangan yang telah dibuat tentang aduan **Anda** tersebut.

Anda boleh membantu Kami untuk memberi tindak balas secepat mungkin dengan memberi **Kami** maklumat-maklumat berikut:

1. Nama, alamat dan nombor untuk dihubungi
2. No Nota Perlindungan / No. Polisi / No. Tuntutan

Sekiranya setelah mengambil langkah-langkah di atas dan **Anda** masih tidak berpuas hati, **Anda** boleh menulis ke:

Unit Pengurusan Aduan

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)

Tingkat 14, Blok Utama
Menara Takaful Malaysia
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2272 2811
Faks: 03-2272 1577
E-mel : enquiry@ofs.org.my
Laman Web : www.ofs.org.my

Jika Pengantara membuat keputusan yang tidak menyebelahi Kami, **Anda** diminta untuk memberitahu Pengantara mengenai keputusan **Anda** untuk menerima atau menolak keputusan tersebut dalam tempoh empat belas (14) hari.

Jika **Anda** tidak menerima keputusan tersebut, **Anda** boleh menolak keputusan Pengantara. **Anda** bebas untuk mengambil tindakan mahkamah ke atas Kami atau merujuk kepada Timbangtara.

Sebagai pilihan, **Anda** boleh menghantar ketidakpuasan hati **Anda** terhadap tindakan Kami secara bertulis kepada Bank Negara Malaysia dengan memberi secara terperinci maklumat aduan **Anda** dan informasi **Polisi Anda** kepada:

BNMTELELINK

Jabatan Komunikasi Korporat
Bank Negara Malaysia
Peti Surat 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1300-88-5465 (LINK)
Faks: 03-2174 1515
E-mel : bnmteletelink@bnm.gov.my
Laman Web : www.insuranceinfo.com.my

HEAD OFFICE / IBU PEJABAT	CUSTOMER RELATIONSHIP CENTRE / KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN	CALL CENTRE / PUSAT PANGGILAN
Level 12, West Wing, The Icon, No.1, Jalan 1/68F, Jalan Tun Razak, 55000 Kuala Lumpur Tel : 03 - 2180 3000 Fax : 03 - 9281 2729 Website : www.rhbgroup.com/insurance	Level 1, Tower Three, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur Tel : 1300-220-007 Fax : 03 – 2163 7277 Email : rhbi.general@rhbgroup.com	Claims Inquiries : 03 - 2180 3030